



Malam Gemilang Sains Rai Sumbangan Staf



Prof Datuk Dr. Nik Mustapha (tengah) menyampaikan sijil dan trofi kepada penerima anugerah pada Malam Gemilang Sains.

BANGI, 23 Dis – Fakulti Sains Universiti Putra Malaysia (UPM) menjadikan Malam Gemilang Sains 2008 sebagai acara tahunan meraikan staf fakulti yang memberi sumbangan cemerlang sepanjang tahun 2007.

Dekan Fakulti Sains UPM, Prof. Dr. Sidek Ab. Aziz berkata pengiktirafan diberikan kepada staf fakulti yang telah menyumbang kecemerlangan dalam bidang pengajaran, penyelidikan, pengurusan dan pengembangan profesional.

Sebanyak 10 anugerah telah diberikan kepada pensyarah, penyelidik, pegawai tadbir dan pegawai sokongan cemerlang iaitu Anugerah Penghargaan Khas kepada Prof. Datuk Dr. Wan Mad Zin Wan Yunus, Anugerah Khas Tokoh Fakulti kepada Prof. Datuk Dr. Mohamed Sulaiman dan Anugerah Adi Sainitis kepada Prof. Dr. Abd. Halim Shaari.

Lain-lain anugerah ialah Anugerah Adi Pengajar kepada Prof. Madya Dr. Gwendoline Ee Cheng Lian, Anugerah Adi Sainitis Muda kepada Dr. Yap Chee Kong, Anugerah Adi Pengajar Muda kepada Dr. Nor Azah Yusof, Anugerah Kepimpinan Pengurusan kepada Prof. Madya Dr. Irmawati Ramli, Anugerah Juruteknologi Cemerlang kepada Mohamad Johadi Iskandar Che Jemali, Anugerah Kepimpinan Staf Sokongan kepada Siti Aminah Dato' Sani dan Anugerah Kecemerlangan Sukan dan Sosial diberikan kepada Luqman Hakim Musa.

Malam Gemilang Sains yang diadakan di Hotel Equatorial Bangi baru-baru ini merupakan platform utama kepada Bulan Kualiti (Q) 2008 yang bermula pada 14 November hingga 18 Disember baru-baru ini.

Sementara itu, Naib Canselor UPM Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata tema Bulan Q iaitu 'Perkhidmatan Berkualiti Pencetus Kecemerlangan' selari dengan hasrat pihak pengurusan universiti menggalakkan penawaran perkhidmatan yang berprestasi tinggi di universiti.

Beliau berkata pencapaian Fakulti Sains yang telah mengekalkan Sijil Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2000 selama enam tahun berturut-turut membuktikan kesungguhan warga fakulti tersebut.

"Saya optimis dengan kesungguhan warga fakulti dalam membudayakan kerja bersistematik, berintegriti dan sedia berubah untuk terus maju bagi mendepani cabaran pendidikan tinggi selaras dengan dasar kualiti UPM," katanya.

Menurut beliau warga fakulti harus membudayakan serta menyebarkan budaya kerja berprestasi tinggi di kalangan staf untuk melonjakkan martabat universiti ke tahap yang lebih tinggi.

Disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.